

# MAJLIS MAKAN MALAM PERSARAAN KETUA SEKOLAH KAWALAN PERTAHANAN UDARA

[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4395-majlis-makan-malam-persaraan-ketua-sekolah-kawalan-pertahanan-udara](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4395-majlis-makan-malam-persaraan-ketua-sekolah-kawalan-pertahanan-udara)

KUANTAN, 16 Jan 19 - Satu majlis makan malam telah dianjurkan oleh Sekolah Kawalan Pertahanan Udara INSPRA bagi meraikan Ketua Sekolah Kawalan Pertahanan Udara yang akan menamatkan perkhidmatan di dalam TUDM iaitu Lt Kol Balakrishnan a/l Periannan TUDM. Majlis tersebut telah diadakan di New Horizon Garden Restaurant, Kuantan dan turut diserikan lagi dengan kehadiran Komandan INSPRA dan Ketua Bahagian Latihan INSPRA.



Antara intipati ucapan Komandan INSPRA, persaraan Lt Kol Balakrishnan TUDM merupakan satu kehilangan yang amat besar dalam tred Kawal dan Lapor namun dengan segala tunjuk ajar yang telah dicurahkan serta perkongsian pengalaman oleh beliau lebih banyak permata yang akan dapat dilahirkan dalam Kawal dan Lapor pada masa hadapan. Komandan INSPRA juga turut berbesar hati menyampaikan cenderahati kepada Lt Kol Balakrishnan a/l Periannan TUDM.

Selain itu juga, Komandan INSPRA mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pegawai Kanan tersebut kerana sudi hadir bagi memeriahkan lagi Majlis Persaraan serta sekalung tahniah dan syabas kepada SKPU atas penganjuran majlis makan malam tersebut.